

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
17 APRIL 2020**

PERKARA : 5(B)(VII)16

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU UBAN
YB. KUMARESAN A/L ARAMUGAM**

16. Pasar Basah Astaka Jalan Permai tidak beroperasi sejak ia dibuka.
- (a) Apakah rancangan dan cadangan MBPP untuk astaka tersebut?
 - (b) Bolehkah MBPP mempertimbangkan untuk mengkaji semula sewa gerai penjaja disebabkan kurangnya pelanggan?

**YB. JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

16. (a) Pasar basah Astaka Jalan Permai telah dibina oleh Nuwata Sdn Bhd dan telah diserahkan kepada Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) pada Oktober 2015. Pasar ini mempunyai 45 unit gerai dan telah mula beroperasi sepenuhnya pada Januari 2016. Sejak mula beroperasi, pihak MBPP telah menempatkan penjaja tanpa lesen dari kawasan sekitar. Namun, disebabkan kawasan tersebut tidak mempunyai daya saing yang tinggi serta kurang tarikan pelanggan, maka banyak penjaja telah berhenti menjalankan aktiviti perniagaan dan menyerahkan semula gerai tersebut. Walau bagaimanapun, unit gerai yang menjalankan perniagaan menjual makanan dan minuman masih beroperasi memandangkan penjaja berkenaan mempunyai pelanggan tetap. Pihak MBPP kini dalam proses mengiklankan RFP bagi mengenalpasti pelabur yang

berupaya meningkatkan daya tarikan pasar basah di Astaka Jalan Permai.

- (b) Pihak MBPP sememangnya akan mengkaji semula kadar sewa gerai penjaja dan perkara tersebut akan dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kesihatan Awam MBPP kelak.